Norhardi Bin Saad

From: Jabatan Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, 9 April, 2024 12:50 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: TAZKIRAH IHYA RAMADAN BSD SUNTIK SEMANGAT KEJAR 10 MALAM TERAKHIR

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

Your Reliab
DIGITAL INFORMAT

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT M

9 APRIL 2024 / 29 RAMADAN 1445H
==========

Oleh: Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan (BSD).

TAZKIRAH IHYA RAMADAN BSD SUNTIK SEMANGAT KEJAR 10 MALAM TERAKHIR



UUM ONLINE: Sempena sambutan bulan Ramadan 1445H, Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan (BSD) mengambil inisiatif menganjurkan Program Tazkirah Ihya Ramadan peringkat

jabatan bagi memberi suntikan semangat kepada kakitangan BSD dalam mengejar 10 malam terakhir bulan Ramadan tahun ini.

الْقَدْرِ لَيْلَةُ مَا أَدْرَاكَ وَمَا ﴿١﴾ الْقَدْرِ لَيْلَةِ فِي أَنْزَلْنَاهُ إِنَّا
شَهْرٍ أَلْفِ مِنْ خَيْرٌ الْقَدْرِ لَيْلَةُ

Maksudnya: “Sesungguhnya kami telah menurunkannya (al-Quran) pada malam kemuliaan. Dan tahukah kamu apakah malam kemuliaan itu? Malam kemuliaan itu lebih baik daripada seribu bulan.” (Surah al-Qadr: 1-3)

Mohd Firdaus Ahmat dari Pusat Islam UUM menerangkan ayat **Lailah** di dalam surah Al-Qadr memberi maksud apabila tenggelamnya matahari sehingga terbitnya fajar atau berlawanan dengan siang hari manakala **al-Qadar** pula memberi maksud kemuliaan atau hukum dan ketetapan.



Al-Qadar juga membawa makna sempit kerana dunia pada malam tersebut menjadi sempit dengan ramainya malaikat yang turun.

Beliau berkata, meskipun manusia mempunyai pekerjaan di siang hari yang harus ditunaikan, janganlah dilupa untuk memperuntukkan juga masa untuk beribadah di bulan Ramadan terutama pada 10 malam terakhir.

Menurutnya, amalan paling kurang yang dapat dilaksanakan ialah dengan menjaga solat fardhu Isyak dan Subuh berjemaah di malam Lailatul Qadar umpama memperoleh kebaikan pada malam itu.

Majlis turut dihadiri pegawai dan kakitangan BSD dan diakhiri dengan pemberian bingkisan Aidilfitri oleh Zulkifli Omar yang mewakili Pengarah BSD.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.